



Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

# UMNO perlu terus kekal relevan

**P**erhimpunan Agung UMNO 2015 (PAU2015) sekali lagi menarik perhatian seluruh rakyat Malaysia. Hal ini kerana pelbagai isu membabitkan pemimpin dan ahli UMNO sejak kebelakangan ini seperti isu penguguran Timbalan Presiden daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri serta Naib Presiden daripada jawatan Kabinet dan kes IMDB serta derma RM2.6 bilion yang belum menampakkan tanda-noktah terus menimbulkan seribu satu persoalan menyebabkan ahli dan seluruh rakyat tertunggu-tunggu dan mahu melihat apa hala tuju parti keramat orang Melayu ini. Persepsi dan gambaran bahawa UMNO menghadapi krisis kepercayaan dan kepimpinan serta dihimpit pelbagai masalah dalam parti perlu dirungkai dan ditangani dengan bijak melalui platform PAU2015 ini supaya UMNO dapat terus kekal relevan.

## Keterbukaan asas perjuangan

Hakikatnya UMNO yang bakal memasuki usia 70 tahun pada tahun hadapan tidak sunyi daripada masalah dalam parti sama seperti parti politik lain baik di negara kita mahupun di seluruh dunia. Namun itu bukan alasan untuk membiarkan kudis merebak menjadi virus sehingga boleh menghancurkan UMNO. Kepimpinan dan ahli UMNO perlu memastikan UMNO terus kekal relevan selama-lamanya. Untuk itu perubahan dan transformasi tidak boleh dikekang dan dihalang. Keterbukaan wajar menjadi asas perjuangan dan peremajaan UMNO yang baharu yang boleh diterima generasi sekarang dan akan datang. Evolusi sejarah penubuhan dan perkembangan UMNO itu sendiri membuktikan betapa UMNO sudah melalui pelbagai proses transformasi sejak ditubuhkan pada 1946.

Walaupun UMNO didaftarkan sebagai sebuah organisasi politik, tetapi percayalah UMNO bukan sekadar sebuah parti politik yang biasa. Perjuangan UMNO sejak ditubuhkan jelas melangkaui tujuan kuasa dan politik semata-mata. UMNO sentiasa berdiri gagah sebagai wadah untuk orang Melayu khususnya dan seluruh rakyat Malaysia amnya dalam memperjuangkan dan membela kebajikan rakyat serta meneruskan kemajuan negara. UMNO perlu sentiasa sadar betapa rakyat menaruh harapan yang tinggi demi survival

bangsa Malaysia secara keseluruhannya. Ringkasnya perjuangan UMNO bukan dalam soal politik semata-mata.

## Fokus transformasi

Oleh itu, perwakilan yang bakal menyertai perhimpunan kali ini perlu menyedari hakikat dan signifikan perhimpunan tahun ini yang menuntut mereka lebih fokus dan memberi perhatian khusus terhadap proses transformasi UMNO serta pelbagai masalah yang dihadapi rakyat. Misalnya keganasan persepsi mutakhir ini menyebabkan imej UMNO dan pucuk pimpinan parti digambarkan agak terjejas. Maka bagaimana isu ini hendak ditangani, sekali gus memulihkan kembali imej parti? Dalam pada itu isu kos sara hidup rakyat yang semakin tidak menentu pula terus memberikan gambaran yang tidak baik jentera pentadbiran kerajaan yang dikuasai UMNO. Dua perkara ini terus menjadi duri dalam daging yang memerlukan UMNO bertindak segera bagi membetulkannya.

Ini medan terbaik untuk perwakilan menyuarakan suara akar umbi yang terpendam selama ini berkaitan beberapa isu dalaman parti dan masalah negara yang memerlukan penjelasan serta penyelesaian konkrit. Ahli dan pucuk pimpinan UMNO perlu sentiasa sadar dan insaf betapa berkuasa pada hari ini tidak bermaksud akan berkuasa selama-lamanya.

Misalnya usaha untuk terus menarik sokongan orang Melayu terutama golongan muda perlu dibincang dan diperhalusi secara terperinci dalam perhimpunan ini. Hal ini penting kerana kelompok anak muda ini bakal menjadi penentu utama dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14). Justeru UMNO perlu terus mencari jalan untuk menarik sokongan dan kepercayaan golongan belia serta orang Melayu secara keseluruhannya. Di samping itu UMNO perlu tampil dengan inisiatif untuk meraih kepercayaan orang bukan Melayu kerana untuk meraih kemenangan majoriti dua pertiga UMNO dan BN masih memerlukan sokongan kaum bukan Melayu yang kuat dan ampuh. Untuk itu, perlu kenal pasti apa punca BN masih gagal meraih majoriti dua pertiga. Bahaskan kenapa sokongan orang bukan Melayu masih kurang memihak kepada UMNO dan kaji kenapa golongan belia masih sukar untuk mendekati UMNO sepenuhnya.

Biar PAU15 menjadi titik tolak permulaan itu supaya seluruh perwakilan UMNO yang berkampung di Pusat Dagangan Dunia Putra mulai semalam hingga Sabtu ini sadar tanggungjawab yang bakal mereka pikul.

Hakikatnya semua perwakilan perlu sadar bahawa ini bukan tahun dan masa untuk berbulan madu dengan andaian PRU14 masih jauh. Mentaliti berbulan madu perlu dibuang jauh. Justeru setiap isu yang dibahaskan perlu dikupas sebaik yang mungkin serta mengambil kira impak dan keperluan untuk memenangi hati rakyat. Permasalahan rakyat seperti peningkatan kos sara hidup, kepayahan siswazah untuk memperoleh peluang pekerjaan serta keperluan untuk membeli rumah pada kadar yang mampu milik perlu menjadi antara topik perbincangan utama supaya seluruh rakyat Malaysia terutama orang Melayu sadar betapa UMNO mampu tampil sebagai pembela rakyat dan orang Melayu.

UMNO juga perlu sadar bahawa landskap politik negara semakin berubah dan melalui proses transformasi dan evolusi yang sangat cepat dan pesat. Keyakinan dan idealisme orang muda yang menuntut pelbagai keterbukaan dan ketelusan, penambahan bilangan golongan cerdik pandai dalam masyarakat yang mula menilai dan mempersoalkan setiap tindakan ahli politik mahupun kerajaan, keganasan persepsi, fitnah dan tohmahan yang semakin menjadi-jadi, perang media sosial serta gaya dan budaya politik baru semakin mendapat perhatian dalam kalangan rakyat. Maka persoalannya apakah ahli UMNO bersedia untuk menghadapi segala perubahan dan transformasi ini?

Walaupun tiada siapa yang menafikan rekod pencapaian dan sumbangan UMNO sejak 69 tahun lalu terhadap pembangunan negara dan rakyat namun selama mana kita mahu berpaut dan berpegang dengan sejarah kejayaan lampau semata-mata? Hakikatnya rakyat memang menghargai segala sumbangan UMNO selama ini namun tuntutan untuk perubahan juga semakin kencang. Ahli UMNO tidak boleh leka mahupun terus lena diulit mimpi yang indah terkenang kejayaan lampau. UMNO perlu lekas bangkit memenuhi kehendak dan aspirasi rakyat.

**Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM)**